

CAMAR ANGGUK
Brown Noddy

FAMILI: Laridae
NAMA SAINTIFIK: *Anous stolidus*



CIRI-CIRI

Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai bulu yang berwarna coklat gelap serta bahagian hadapan kepala yang berwarna putih. Bahagian mahkota kepala pula berwarna kelabu dan jalur di sekeliling bahagian mata berwarna putih. Individu ini mempunyai bahagian ekor yang panjang dan mempunyai bentuk yang tajam. Semasa terbang, kelihatan jalur berwarna coklat pudar merentasi bahagian atas dan bawah sayap. Bagi individu juvenil pula, bulu pada bahagian hujung mahkota kepala, bahagian atas belakang badan dan sayap berwarna kuning pudat yang pudar. Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz di antara 40 sm-45 sm.

MAKANAN

Makanan utama terdiri daripada ikan-ikan kecil, sotong, ketam dan udang.

HABITAT

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan hutan terbuka serta di kawasan pulau.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi yang kasar *koark* dan *kwok kuok*.

PEMBIAKAN

Musim membiak bagi spesies ini adalah pada bulan Mei hingga Ogos di mana sarang dibina di kawasan permukaan tanah dan batu. Telur yang dihasilkan berwarna putih serta terdapat bintik-bintik berwarna coklat dan berukuran di antara 48.7mm X 34.6mm hingga 53.8mm X 38.2 mm.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.

